

BAB SATU

PERSATUAN KEBAJIKAN DAN PENGUBATAN ISLAM DARUSSYIFA

1.0. PENDAHULUAN

Bab ini menyentuh tentang sejarah darussyifa' dan amalan yang dipraktikkan sebagai rawatan kepada pesakit. Ia penting untuk mengetahui latar belakang darussyifa' bagi mendapatkan gambaran yang jelas tentang matlamat dan perjalanan pusat ini. Ia juga mengelakkan tanggapan-tanggapan yang tidak berasaskan maklumat yang sepatutnya. Amalan yang dibentangkan di sini juga merupakan asas kepada setiap perawat darussyifa' di mana setiap perawat yang diijazahkan untuk mengamalkan rawatan perlulah menguasai amalan ini. Dengan itu ia memberikan maklumat lebih terperinci tentang pusat ini dan amalan standard yang dijalankan.

Sesuai dengan pegangan bahawa Rasulullah s.a.w. adalah insan yang paling bermanfaat di bumi Allah ini dan sebagai umatnya setiap muslim seharusnya rasa bangga dengan kemuliaanya itu. Namun adakah cukup dengan hanya sekadar berbangga sahaja, atau bukannya lebih baik sebagai umatnya, setiap orang Islam mengikuti jejak langkahnya dengan sedaya upaya walaupun kecil, kerana yang menjadi kebanggaan bagi mana-mana Rasul Allah terhadap mana-mana umatnya ialah yang sanggup menerima dan beramal dengan setiap ajarannya. Justeru, tidaklah sia-sia Allah meletakkan makhluk-Nya dari jenis manusia sebagai khalifah di bumi walaupun dipertikai seketika oleh golongan langit sebagaimana yang tertera dalam firman-Nya:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۗ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ
فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۗ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

(30)

al-Baqarah (2): 30

Terjemahannya:

Ingatalah ketika Tuhanmu berfiman kepada para malaikat. Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi, mereka berkata: Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau? "Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui".

Allah yang sememangnya telah mengetahui akan berlakunya kerosakan hasil perlakuan makhluk yang bertaraf khalifah (manusia) di bumi, namun ia tidaklah begitu banyak jika hendak dibanding dengan kemanfaatan yang terhasil, kerana perubahan besar menjadi khalifah di bumi.¹ Atas semangat dan prinsip menghasilkan sebanyak dan sebaik mungkin kemanfaatan di muka bumi ini maka Rasulullah s.a.w. telah bersabda melalui *ÁadÊth* yang telah diriwayatkan oleh *JÉbir r.a.*

عن جابر: قال رسول الله صلى الله وسلم خَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ²

Terjemahannya:

Sebaik-baik manusia ialah mereka yang mampu memberi manfaat kepada orang lain.

Pada hakikatnya semangat berlumba-lumba dan bergegara melakukan kebaikan

¹ Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (Dr) (1999), *Tafsir al-Azhar*, cet. 3, Singapura : Pustaka Nasional PTE LTD, h. 153-158.

² *JalÉl al-dÊn bin AbÊ Bakr al-SuyËËÊ* (2002), *al-JÉmi' al-ØaghÊr FÊ AÍEdÊth al-BasyÊr al-NadhÊr*. No. hadÊth 4004. J. 1-2, cet. 1, Beirut: DÊr al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 246.

adalah dituntut agama,³apa lagi saranan untuk saling mendahului dalam mengerjakan kemakrufan dan menghapuskan kemungkaran inilah yang dituntut dan menjadi tanggungjawab terhadap orang yang beriman, kerana ia merupakan ajaran dan didikan daripada Allah s.w.t. melalui firman-Nya.

يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

وَيُسْرِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَأُولَئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ (114)

Óli 'Imran (3): 114

Terjemahannya:

Mereka beriman kepada Allah dan hari penghabisan, mereka menyuruh kepada yang makruf, dan mencegah dari yang mungkar dan bersegera kepada (mengerjakan) pelbagai kebajikan; mereka itu termasuk orang-orang yang saleh.

Oleh itu penulis berpendapat galakan dan dorongan seperti dalam kandungan ÁadÊth serta ayat di atas menjadikan Dato' Haron Din kerap mengingatkan para penuntut di Darussyifa' dalam sesi pengajarannya ialah berlumba-lumba dan bersemangat dalam melakukan kebajikan dan kebaikan. Khususnya berlumba melakukan kebaikan dengan rasa bertanggungjawab untuk menunaikan permintaan para pesakit supaya para perawat berikhtiar bagi meringankan beban kesakitan yang ditanggung oleh mereka dengan beretika dan ikhlas, tanpa perasaan jemu dan tanpa mengharapkan apa-apa balasan.⁴

Pada hakikatnya dengan memberi pertolongan merawat penyakit melalui

³ Abd. Muein Abd. Rahman, (1429 H). *Himpunan xadÊth-ÁadÊth Adab-adab Seorang Mukmin 1*, cet. Pertama, h. 65. (Buku kecil ini boleh didapati terus daripada penyusunnya).

⁴ (2008), *Majlis Pengijazahan Persatuan Kebajikan Dan Pengubatan Islam Malaysia Darussyifa'*. (Ini adalah gabungan ucapan antara penasihat dan pengerusi Darussyifa' yang dipetik dalam buku aturcara Majlis Pengijazahan untuk kumpulan 20 yang bertempat di El Azzhar Camp, Morib, Selangor).

pengubatan Islam, secara langsung dapat membebaskan masyarakat daripada perlakuan keji dalam dunia perbomohan atau perubatan tradisional yang seolah-olah sudah terikat dengan kehidupan masyarakat Melayu.

Lantaran dengan semangat perbomohan dan juga dengan sokongan yang memberangsangkan daripada sebilangan masyarakat itu juga antara sebab pendorong lahirnya lebih ramai lagi pengamal perubatan tradisional sehingga susah hendak dikenali yang mana benar dan yang mana menyimpang atau palsu.⁵ Malah ada di kalangan pengamal pengubatan tradisional yang berani dan sanggup mencampur-adukkan rawatan mereka dengan ayat-ayat suci *al-Qur'Ēn* dan *do'a* yang terpesong bunyinya, baris dan susunan ayat yang salah.⁶ Oleh itu sebagai orang yang beriman fahaman ini wajib dihapuskan.

Maka penulis mengira inilah semangat pengasas Darussyifa' dan ia juga mesti diwarisi oleh setiap ahli keluarga Darussyifa'.

1.1. Sejarah Penubuhan Persatuan Kebajikan Dan Pengubatan Islam Darussyifa'.

Darussyifa' merupakan nama sebuah bangunan yang digunakan untuk kegiatan pengubatan Islam. Perkataan *Darussyifa'* merupakan gabungan daripada perkataan *DĒr* (rumah) dan *Assyifa'* (kesembuhan) yang memberi erti “klinik rawatan”. Idea penubuhannya lahir daripada seorang pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia pada

⁵ Azman Mohd Nawī, Salawati Haris, Dalia Ismail (2006). *op. cit.*, h. 19.

ketika itu, iaitu Prof. Dato' Dr. Haron Din⁷ dan juga merupakan seorang ulama tempatan terkenal. Keterlibatan beliau dalam bidang pengubatan yang menggunakan doa-doa daripada beberapa ayat *al-Qur'án*, *hadîth* dan *selawat* sudah agak lama, tetapi ia dijalankan secara tidak teratur dan serius.

Pada akhir tahun 1977, telah datang beberapa pelajar daripada Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia menemui beliau meminta diajar serba sedikit ilmu pengubatan Islam. Maka bermulalah siri pengajian pengubatan Islam secara kecil-kecilan di rumah beliau di Taman Bangi, Jalan Reko, Kajang dengan perjalanan yang tidak teratur. Namun setelah beliau berpindah ke Bandar Baru Bangi, Selangor yang beralamat di no. 3, jln 1/7D dan pada sesi pengambilan pelajar baru (1985/1986) bilangan mereka yang ingin pelajari ilmu pengubatan Islam semakin bertambah. Bermula di sinilah Dato' Dr. Haron Din mula memberi rawatan secara terbuka kepada masyarakat di rumahnya, pada setiap Selasa bermula selepas solat Zohor hingga hampir Maghrib.

Ekoran daripada itu, kelas pengajian ilmu pengubatan Islam dijalankan secara tersusun dengan bergilir-gilir di rumah-rumah pelajar dan tidak lagi di rumah Dato' Dr. Haron Din. Namun dengan bilangan pelajar yang semakin bertambah proses pengajian secara bergilir-gilir dari rumah ke rumah setiap malam Rabu terpaksa dihentikan dan sekali lagi menjadikan rumah Dato' Dr. Haron Din dan beberapa rumah tertentu sebagai tempat pengajian.

⁶ Amran Kasimin (2009), Pedoman Wanita Solehah Anis (majalah Aniskeluaran April), Petaling Jaya, Selangor, Galeri Ilmu Sdn. Bhd., h. 88-89.

⁷ Beliau adalah bekas pensyarah di Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia dan mendapat pangkat "profesor" yang dikurniakan sejak tahun 1986.

Melihat kepada situasi ini, atas nasihat seorang guru *tariqat Dhikir ÛarÊqah Naqshabandiyyah al-‘Óliyyah* iaitu Tuan Syeikh NaĐim al-Qubrusiy, supaya kelas-kelas pengajian diadakan pada malam Selasa atau malam Jumaat. Oleh itu atas dasar mendekatkan diri ahli Darussyifa’ dengan yang Maha Mentadbir dan Maha Menguasai sekalian alam maka Dhikir ÛarÊqah Naqshabandiyyah al-‘Óliyyah dijadikan amalan rutin selepas solat maghrib dengan didahului bacaan surah YÉSÊn sebelum kelas pengajian dimulakan.

Selepas tiga hari daripada itu, maka satu pertemuan di rumah Tuan Haji Ismail Bin Haji Ali, beralamat no. 26, Jalan Daud, Kg. Baru, Kuala Lumpur diadakan dengan majlis zikir serta diikuti dengan kuliah. Lantaran kehadiran pelajar tetap ramai maka menyebabkan ruang tamu rumah menjadi sempit. Sekali lagi Tuan Syeikh NaĐim al-Qubrusiy menyatakan kepada Dato’ Haron Din bahawa *“Tidak adil terus menerus melakukan sedemikian pada pelajar. Buatlah bangunan untuk mereka. Usaha ini adalah kerana Allah dan Allah pasti akan menolong kamu”*.⁸

Mesyuarat jawatankuasa penubuhan bangunan rawatan Islam yang pertama telah diadakan di rumah Tuan Haji Abdul Rahman Haji Ahmad⁹ pada 17 Ogos 1986. Hasil daripada mesyuarat tersebut maka terbentuklah satu jawatankuasa tetap penubuhan bangunan pusat rawatan Islam yang terdiri daripada:

Pengerusi : Haji Abdul Rahman Haji Ahmad

⁸ Mardiana Abdul Ghani (2004), *op. cit.*, hlm. 25.

Naib Pengerusi : Y. Bhg. Datuk Abdul Rashid Mahmud
S/U Kehormat : En. Mohd Salleh Haji Kassim
Pen. Setiausaha : Haji Mohd Sharif Haji Ibrahim
Bendahari : En. Ahmad Mohd Yusof
Urusetia : En. Minhat Haji Budin A. Bahaudin

Selain nama-nama di atas dilantik juga pengerusi-pengerusi jawatankuasa kecil yang menguruskan hal-hal tertentu, iaitu:

Kewangan : En. Ahmad Mohd Yusof
Tanah : Hj. Mohd Shariff Hj Ibrahim
Pelan : En. Mohamad Ahmad

Kemudian diadakan pula mesyuarat pada 29 Oktober 1986 di rumah Tuan Haji Jaafar Sidek dengan dimaklumkan wang sebanyak RM 3000.00 telah dapat dikumpulkan semenjak kutipan derma dilancarkan. Dalam mesyuarat itu juga telah dimaklumkan bahawa telah ada beberapa penderma yang berjanji ingin memberi sumbangan derma berjumlah RM 70, 000.00. Manakala tanah yang dicari untuk dijadikan tapak bangunan juga telah diperolehi dengan nilai harga RM 16.00 sekaki persegi dengan keluasan 12000 kaki persegi iaitu bersebelahan dengan rumah Tuan Guru Dato' Haron Din dan ahli jawatankuasa bersetuju untuk memberi pendahuluan sebanyak sepuluh peratus daripada harga tanah tersebut.

⁹ Ketika itu beliau merupakan seorang Pegawai Daerah di Seremban.

Manakala dari sudut reka bentuk pula En. Mohamad bin Ahmad menyatakan bahawa beliau telah membuat plan bangunan dua tingkat yang dianggarkan menelan belanja lebih kurang RM 200, 000.00. Walau bagaimanapun dua rakan kepada Tuan Haji Jaafar iaitu Tuan Haji Shamsuddin Ahmad bersama Tuan Haji Johari Jaalam sanggup memberi khidmat percuma dalam bidang reka bentuk atau plan kepada penubuhan bangunan. Dengan itu plan pertama yang telah dikemukakan oleh En. Mohamad Ahmad tidak dapat diterima oleh Tn. Hj. Shamsuddin kerana ia menelan kos yang tinggi iaitu lebih daripada setengah juta, dalam masa yang sama ustaz (Dato' Haron) mendapat galakan daripada rakan-rakan supaya membina bangunan berdasarkan plan baru. Maka bermulalah usaha mencari dan mengumpul dana dengan Ustaz Dato' Haron sendiri merayu sumbangan daripada orang-orang tertentu.

Pada hari Ahad 17 April 1988, bertempat di rumah ustaz Haron Din telah mengadakan satu mesyuarat penubuhan persatuan telah diadakan dengan kehadiran seramai lapan puluh lapan orang. Dalam mesyuarat tersebut yang telah dipengerusikan oleh Y.Bhg. Datuk Abdul Rashid telah bersetuju untuk menubuhkan persatuan pengubatan. Maka bermula dari situ wujudlah nama **Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam.**

Susulan daripada itu pada 12 Disember 1988 berlaku lagi satu mesyuarat yang membincangkan tentang pembayaran pertama sebanyak RM 30,000.00 kepada tuan tanah yang telah bersetuju untuk menjual tanahnya yang bersebelahan dengan rumah Tuan Guru Dato' Haron Din dengan harga sebanyak RM 76,776.00. Mesyuarat juga

dimaklumkan bahawa wang tersebut adalah hasil daripada jualan buku *Rawatan Pesakit Menurut al-Qur'án dan As-sunnah* dan sebanyak RM 28,000.00 hasil daripada sumbangan Tn. Hj. Ismail Bin Abdullah. Sebagai makluman, dalam tersebut juga telah menyatakan bahawa permohonan pendaftaran penubuhan Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam kepada Pendaftar Pertubuhan telah dilakukan.

Setelah itu pada 26 Mei 1989 Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan diadakan dan telah dimaklumkan bahawa mesyuarat agong penubuhan Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam telah diadakan di rumah Tuan Guru Ustaz Haron pada jam 9.15 malam. Daripada itu terbentuklah ahli jawatankuasa yang dipilih melalui mesyuarat tersebut dan perlantikan pengerusi bagi setiap jawatankuasa kecil sebagai agihan tugas bagi melicinkan perjalanan pengurusan persatuan. Mereka terdiri daripada:

Pengerusi	:	Haji Abdul Rahman Haji Ahmad
Setiausaha	:	Haji Mohd Sharif Haji Ibrahim
Bendahari	:	En. Mohamad Amin Hassan

Pengerusi Ahli jawatankuasa kecil pula terdiri daripada:

Pembangunan dan Harta	:	Y. Bhg. Datuk Abdul Rashid Mahmud
Kewangan	:	En. Mohamad Amin Hassan
Pengubatan dan Pentadbiran	:	

Klinik : Haji mohd Sharif Haji Ibrahim
Kebajikan dan Sosial : Hj. Abdul Rahman Mustapha
Latihan, Kursus dan Seminar : Cikgu Mohd Nasir Jali

Manakala beberapa anggota lain juga dilantik untuk membantu hal-hal berikut, mereka ialah:

Kebajikan dan Sosial : Hj. Ali Hj. Ahmad
Penolong Setiausaha : En. Minhat Haji Budin A. Bahudin
Latihan : Dr. Mohd Omar Hj. Salleh

Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pembangunan dan Harta telah diadakan pada 06 Jun 1989 di rumah Tuan Guru Dato' Haron merupakan mesyuarat pertama Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam setelah permohonan pendaftarannya diluluskan. Dalam mesyuarat itulah dimaklumkan bahawa pembinaan bangunan yang dicadangkan itu dianggarkan menelan belanja sebanyak 560,000.00 dengan pecahan seperti berikut:

Harga Tanah : RM 80,000.00
Bangunan : RM 400,000.00
Kelengkapan : RM 80,000.00

Pada 19 Disember 1989 satu perjumpaan telah diadakan antara jawatankuasa pembinaan dengan wakil-wakil syarikat bagi membincangkan kerja-kerja pembinaan,

antara yang hadir ialah Tn Hj. Abdullah Mardi, En. Safian Mohd Ali, En. Shamsuddin Ahmad, En Omar Ahmad, En. Nordi dan lain-lain. Maka pada 02 Februari 1990, jam 6.30 petang satu majlis doa selamat diadakan di tapak bangunan. Manakala antara mereka yang terlibat dalam melaksanakan projek tersebut ialah:

Omarsham Arkitek	Arkitek
Elmec Consultant Sdn. Bhd.	Jurutera
Baharuddin Ali & Low Sdn. Bhd.	Juruukur Bahan
Emkay Associates Sdn. Bhd.	Pemborong

Setelah mengharungi peralihan pembinaan, maka pada hari ahad, 17 Mac 1990 bersamaan dengan 01 Ramadhan 1411 Bangunan Rawatan Islam mula digunakan dengan memulakan solat Maghrib dan Isyak berjamaah oleh anggota persatuan serta diteruskan solat sunat terawih dengan diimami oleh Tuan Gurunya (Dato' Haron Din). Dengan itu bermulalah juga sesi rawatan dan kuliah di bangunan Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Darussyifa'.¹⁰

Dari tahun ke tahun silih berganti Darussyifa' mengorak langkah terus ke hadapan dengan pertambahan keahlian yang semakin ketara sehinggakan semasa penulisan ini dilakukan keahliannya telah mencapai ke angka 2860 orang. Begitu juga dengan Ahli Jawatankuasanya juga ada yang lama dan ada yang baru, untuk sesi terbaru iaitu AJK sesi 2007-2009, mereka ialah:

¹⁰ Amran Kasimin (1991), *op. cit.*, hlm. 11-21.

Penasihat	: YBhg Tuan Guru Dato' Dr. Haron Din
Pengerusi	: Tn. Hj Abd Rahman Ahmad
Setiausaha	: Ustaz Hj Abd. Rahman Nawas
Bendahari	: Dr. Hj. Azlin Azzudin
Setiausaha Kerja	: Tn. Hj. Jamaludin Norsahan
Ketua Jawatankuasa Klinik	: Hj. Mokhtar Kassan
Ketua Jawatankuasa Disiplin & Tatatertib	: Hj. Abd. Rashid Ahmad
Ketua Jawatankuasa Pengambilan, Latihan & Konvokesyen	: Ustaz Hj. Zulkipli Mohd Dahlan
Ketua Jawatankuasa Kebajikan & Hal Ehwal Muslimah	: Dr. Hjh Huda Dato' Haron
Ketua Jawatankuasa Penyelidikan & Pembangunan	: Haji Abd Rahman M Derus
Ketua Jawatankuasa Tugas-tugas Khas	: YBhg. Dato' Aman Najas Mat Samin
Ketua Jawatankuasa Penerbitan & Seranta	: Dr. Hj. Rushdi Ramli
Ketua Jawatankuasa Bangunan & Penyelenggaraan	: Hj. Abd. Halim Hashim
Juru Audit (1)	: Tn. Hj. Hamdi Dato' Haron

Tiga orang jawatankuasa kerja bagi melicinkan segala urusan perjalanan pusat rawatan ialah terdiri daripada:

Ahmad Hisham Mohd Zahari

Jufry Shamsudin

Md Roslan Mohammad

Begitulah serba ringkas tentang sejarah terbinanya pusat rawatan Persatuan Kebajikan Dan Pengubatan Islam yang masih kekal dan semakin berkembang ke beberapa negeri dalam negara. Malah kemanfaatan kewujudannya semacam telah diketahui dan diterima oleh kebanyakan lapisan masyarakat dan mungkin kerana kebaikannya itulah maka ia masih teguh dan mampu melebarkan sayapnya serta ampuh daripada serangan segelintir orang yang mungkin tidak senang dengan kewujudannya. Mungkinkah ini antara faktor yang serasi dengan pesanan Allah melalui firman-Nya.

أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَسَالَتْ أَوْدِيَةٌ بِقَدَرِهَا فَاحْتَمَلَ السَّيْلُ زَبَدًا رَابِيًا وَمِمَّا يُوقِدُونَ عَلَيْهِ فِي النَّارِ ابْتِغَاءَ حَلِيَّةٍ أَوْ زَبَدٌ مَتَّعِ مِثْلَهُ ۚ كَذَلِكَ يَضْرِبُ اللَّهُ الْحَقَّ وَالْبَاطِلَ ۚ فَأَمَّا الزَّبَدُ فَيَذْهَبُ جُفَاءً ۗ وَأَمَّا مَا يَنْفَعُ النَّاسَ فَيَمْكُثُ فِي الْأَرْضِ ۚ كَذَلِكَ يَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ (17)

al-Ra'd (13): 17

Terjemahannya:

Allah telah menurunkan air (hujan) dari langit, maka mengalirlah air di

lembah-lembah menurut ukurannya, lalu arus itu membawa buih yang mengembang. Dan dari apa (logam) yang mereka lebur dalam api untuk membuat perhiasan atau alat-alat, ada (pula) buihnya seperti buih arus itu. Demikianlah Allah membuat perumpamaan (bagi) yang benar dan yang batil. Adapun buih itu, akan hilang sebagai sesuatu yang tidak ada harganya; adapun yang memberi manfaat kepada manusia, maka ia tetap di bumi.¹¹ Demikianlah Allah membuat perumpamaan-perumpamaan.

1.2. Darussyifa' dan Logo Persatuan

Bentuk logonya memaparkan lima unsur utama yang memberi pengertiannya tersendiri iaitu dari segi bentuknya seperti berikut:

- a) Bentuknya yang melengkung di atas ialah ayat al-Quran, sebahagian daripada ayat 82, surah al-IsrÉ'.

(82) *وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ*
Al-IsrÉ' (17): 82

Terjemahannya:

Dan kami turunkan dari al-Quran suatu yang menjadi penawar.

- b) Bulatan yang melambangkan bumi bagi menyatakan agama Islam dan ilmu itu bersifat universal.
- c) Senaskhah kitab yang terbuka di bahagian atas dalam bulatan melambangkan kitab suci al-Quran yang menjadi pedoman hidup umat Islam. Ia juga

¹¹ Allah mengumpamakan yang benar dan yang batil dengan air dan buih atau dengan logam yang mencair dan buihnya, di mana yang benar sama dengan air atau logam murni (akan kekal dan bermanfaat bagi manusia) sedang yang batil sama dengan buih air atau tahi logam yang akan lenyap dan tidak ada gunanya bagi manusia.

- melambangkan al-Quran sentiasa diamalkan ajarannya untuk kebahagiaan di dunia dan akhirat.
- d) Susunan enam jilid buku di bawah al-Quran melambangkan *sunan sittah* iaitu enam kitab *hadîth* yang sering dirujuk oleh umat Islam seperti berikut:
- i. *Al-Bukhârî*
 - ii. *Muslim*
 - iii. *Abû Dâwûd*
 - iv. *Al-Nasâ'î*
 - v. *Tirmidhî*
 - vi. *Ibn Mâjah*
- e) Simbol dua tangan yang berdoa pula melambangkan sifat manusia dalam keperluannya berikhtiar dengan berdoa dengan yakin dan ikhlas kepada Allah s.w.t. semoga disembuhkan penyakit. Dalam unsur keikhlasan ini terdapat tuntutan untuk sabar menghadapi dugaan serta bersyukur setelah mendapat kejayaan.¹²

1.2.1. Darussyifa' Dan Warna Logo

Logo ini juga terdiri daripada tiga warna yang juga mengandungi maksud tersendiri

¹² http://www.darussyifa.org/keterangan_logo.php. capaian pada 1 hb Jun 2009.

iaitu:

- i. Warna emas melambangkan niat ikhlas yang paling berharga dalam kehidupan manusia di sisi Allah s.w.t.
- ii. Warna hijau muda melambangkan tumbuhan-tumbuhan di bumi yang dicipta oleh Allah s.w.t. yang banyak dimanfaatkan sebagai satu ikhtiar bagi tujuan penyembuhan
- iii. Warna biru melambangkan simbol air yang digunakan untuk pengubatan Islam dan juga melambangkan kelembutan, ketenangan dan kesejahteraan.

Sebenarnya secara keseluruhan logo ini melambangkan konsep *al-Qur'ân* dan *Al-Sunnah* sebagai panduan hidup untuk mencapai keredaan Allah s.w.t. dari segi kehidupan manusia dan sebagai penyembuh kepada berbagai masalah penyakit rohani dan jasmani yang sentiasa dihadapi oleh manusia.¹³

1.3. Perkembangan Pusat Rawatan Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Darussyifa'

Setelah melihat kepada sejarah penubuhan Darussyifa', maka penulisan ini akan melihat pula kepada perkembangan penubuhan Darussyifa' cawangan yang setakat ini telah dan sedang berfungsi di beberapa daerah dalam negeri Selangor dan di luar negeri Selangor.

¹³ *Ibid.*

1. Darussyifa' Pusat
No. 5, Jln. 1/7D,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

2. Darussyifa' Cawangan Banting
Lot 1227 Batu 41, Kg. Olak Lempit,
2700 Banting, Selangor Darul Ehsan

3. Darussyifa' Cawangan Rawang
Jln. 4/5, Tmn. Rawang Perdana
48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan

4. Darussyifa' Cawangan Telok Panglima Garang
Batu 9 Sejangkang, Belakang Petronas Baru
Bekas Bangunan ABIM, Selangor Darul Ehsan.

5. Darussyifa' Cawangan Kampung Baru
No. 26, Jln Daud,
50300 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

6. Darussyifa' Cawangan Ipoh
Institut Addin, Kg. Melayu, Jln. Lapangan Terbang,
31350 Ipoh, Perak Darul Redzuan.

7. Darussyifa' Cawangan Ipoh
Yayasan Addin, Lot 31385 Jln. Besar
Kg. Baru Tambun,
31400 Ipoh, Perak Darul Redzuan.

8. Darussyifa' Cawangan Parit Buntar
No. 41, Tingkat 1, Tmn. Wawasan Jaya
34500 Parit Buntar, Perak Darul Redzuan.

9. Darussyifa' Cawangan Kemunting
No. 9, Tmn. Lela 1, Jln Seluang,
34600 Kemunting, Perak Darul Redzuan.

10. Darussyifa' Cawangan Kuala Kangsar
Bt. 28, Kota Lama Kiri, Kuala Kangsar
Perak Darul Redzuan.

11. Darussyifa' Cawangan Kuala Terengganu
Lot 126, Kg. Dusun, Kuala Ibai,
20400 Kuala Terengganu.

12. Darussyifa' Cawangan Setiu
Jalan Ulu Seladang, Bandar Permaisuri,

22100 Setiu Terengganu.

13. Darussyifa' Cawangan Batu Pahat
No. 36, Jln. Kijang, Tmn. Beroleh
83000 Batu Pahat. Johor Takzim

14. Darussyifa' Cawangan Muar
No. 11, Kg. Maju Jaya,
81300 Sekudai. Johor Darul Takzim

15. Darussyifa' Cawangan Sekudai
Pejabat Naib Canselor
81300 UITM Sekudai. Johor Darul Takzim¹⁴

1.4. Biodata Pengasas Darussyifa'

Dato' Dr. Haron Bin Din merupakan anak kelahiran negeri Perlis daripada sebuah keluarga yang kuat pegangan agamanya. Setelah menamatkan pengajiannya di peringkat kolej, beliau menyambung pengajiannya di Universiti al-Azhar Mesir dan mendapat ijazah sarjana. Beliau pulang ke tanah air bertugas sebagai guru agama di Kementerian Pelajaran dan setelah beberapa tahun berkhidmat beliau bertolak semula ke Mesir untuk menyambung pengajiannya di peringkat PhD di D  r al-  I  m, Universiti Cairo dan telah

¹⁴ Jufry bin Jamaluddin, (beliau adalah Jawatan kuasa Darussyifa' pusat, Darussyifa'). Temubual pada 24

mendapat ijazah itu di universiti tersebut. Dato' Haron Bin Din antara tokoh yang banyak menyumbang untuk membentuk masyarakat, sama ada di bidang penulisan, ceramah, forum, kegiatan kemasyarakatan, berpolitik dan sebagainya. Inilah antara pengajaran yang boleh difahami melalui *ĪadĒth* Rasulullah s.a.w.

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: "مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا فَلْيُقِمْهُ فِي الدِّينِ وَيُلْهِمَهُ
رُشْدَهُ.¹⁵

Terjemahannya:

Sesiapa yang Allah inginnya jadi baik maka akan dianugerah kefahaman agama padanya dan diilhamkan akan petunjuk-Nya.

1.4.1. Latar Belakang Dato' Haron Din

Kampung Bohor Mali Perlis, di situlah kehidupan Dato' Dr Haron Bin Din bermula, namun ayahnya Haji Din Bin Ali berasal dari Patani yang telah melibatkan diri dalam dunia perubatan dengan menggunakan bacaan ayat-ayat *al-QurĒn*, *hadĒth* dan *doa* (*al-Īubb al-IslamĒ*). Amalan pengubatan secara *Īubb al-IslamĒ* yang digunakan oleh orang tuanya dalam mengubati berbagai penyakit, sama ada kronik atau ringan, serangan penyakit fizikal atau spritual secara tidak langsung telah melibatkan Dato' Haron Din dalam dunia perubatan tradisional (secara Islam) walaupun ketika itu umurnya masih mentah.¹⁶

Melihat akan kelebihan dan kebolehan ayahnya, maka timbul keinginannya untuk mengikuti jejak langkah ayahnya dengan meminta ayahnya menurunkan ilmu perubatan

Mac 2009 (hari Selasa) jam 11.30 pagi.

¹⁵ JalĒl al-dĒn bin AbĒ Bakr al-SuyĒĒ (2002), op. Cit., J. 2, no. hadĒth 9104, h. 546.

tersebut kepadanya. Perihal ini bermula sewaktu umur Dato' Haron dalam lingkungan belasan tahun semasa masih menuntut di Sekolah Agama 'Alawiyah, namun bukan mudah untuk ayahnya menurunkan ilmu yang dimiliki. Sebaliknya ayahnya menasihati supaya beliau mendalami ilmu agama terlebih dahulu, sehinggalah beliau berada pada akhir pengajian di peringkat menengah barulah ayahnya memperturunkan ilmu tersebut, dan ilmu yang diajarnya hanyalah asas pengubatan sahaja.

Sesungguhnya keluarga Dato' Haron memang memiliki khazanah ilmu perubatan Islam yang bukan sedikit, kerana selain ayahnya bapa saudara beliau iaitu Said Bin Ali juga adalah seorang pengamal perubatan tradisional Islam. Kunjung mengunjungi antara keluarga di Perlis dan dari Patani terus berlaku dan mereka sering berbincang tentang kaedah dan petua perubatan. Ini telah membuka ruang pendedahan kepada Dato' Haron yang menemani bapanya.¹⁷

1.5. Matlamat Dan Objektif Penubuhan Darussyifa'

Darussyifa' yang terletak di bawah pentadbiran Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam. Persatuan ini mempunyai beberapa dasar dan objektif. Menurut Dato' Dr. Haron Din sebagai pengasas tempat ini, kesemua objektif yang digariskan telah dicapai walaupun bukan sepenuhnya. Antara objektif tersebut ialah:

- i. Menyatukan umat Islam di bawah satu semangat persaudaraan dalam

¹⁶ http://www.darussyifa.org/keterangan_biodata.php. capaian 10 hb Jun 2009

Islam.

- ii. Meningkatkan kefahaman Islam di kalangan masyarakat Islam untuk mencapai tahap ketaqwaan yang tinggi kepada Allah.
- iii. Berusaha untuk menguatkan keyakinan masyarakat Islam tentang ilmu perubatan cara Islam dengan bermatlamatkan untuk meningkatkan keimanan mereka kepada Allah.
- iv. Menanam dan menyebarkan hakikat Islam yang sebenar kepada seluruh masyarakat Islam sebagai satu cara hidup yang merangkumi segala aspek kemajuan, pendidikan, kemasyarakatan dan pengubatan.
- v. Bekerjasama dengan mana-mana badan khasnya di Selangor dan amnya di Malaysia yang mempunyai kepentingan yang sejajar dengan objektif persatuan untuk kebajikan dan kemajuan Islam.
- vi. Mengambil segala langkah-langkah untuk mencapai tujuan di atas.

Melihat kepada objektif tersebut seolah-olah memberi gambaran bahawa Darussyifa' berikhtiar untuk menzahirkan kesyumulan Islam serta memisahkan fahaman Islam dengan fahaman-fahaman karut yang lain, kerana menyedari bahawa pada dasarnya Islam langsung tidak menerima konsep campur-aduk isi ajarannya dengan sebarang falsafah hidup yang lain, sebagaimana yang dinaqalkan oleh Dr. Danial Zainal Abidin daripada kata-kata al-Imam Qatadah “jangan sekali-kali kamu mencampur-adukkan cara hidup Yahudi dan Nasrani dengan Islam, kerana Allah hanya menerima Islam sebagai

¹⁷ Amran Kasimin (Dr) (1991), *op. cit.*, hlm. 48-53.

agama kamu.¹⁸ Ini bersesuaian dengan pesanan Allah melalui surah al-Baqarah:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِرِينَ (85)
Óli 'ImrÉn (3) : 85

Terjemahannya:

Barangsiapa mencari agama selain agama Islam, Maka sekali-kali tidaklah akan diterima daripadanya (agama itu), dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi.

1.6. Darussyifa' Dan Bacaan Asas Sepuluh Pertama

Sebagaimana tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat secara mendalam mengenai kedudukan Bacaan Asas Sepuluh Pertama di Darussyifa', maka di sini penulis bentangkan bentuk bacaan tersebut.

i. Bacaan Pertama: Surah *al-FÉtiÁh*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (1) الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (2) الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (3)
مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ (4) إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ (5) أَهْدِنَا الصِّرَاطَ
الْمُسْتَقِيمَ (6) صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ (7)
Al-FÉtiÁh (1): 1-7

Terjemahannya:

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Yang menguasai di hari pembalasan. Hanya Engkaulah yang kami menyembah dan hanya kepada Engkaulah kami memohon pertolongan. Tunjukilah kami jalan yang lurus. Iaitu jalan orang-orang yang telah Engkau berikan nikmat kepada mereka, dan bukan (jalan) mereka yang Engkau murkai dan tidak pula jalan mereka yang sesat.

¹⁸ Dr. Danial Zainal Abidin (2009), *Perubatan Islam Dan Bukti Sains Moden*. cet. 8, Kuala Lumpur: PTS Millenia Sdn. Bhd., h. 2.

ii. Bacaan Kedua: Ayat al-KursĒ

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي
الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا
يُئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ (255)

Al-Baqarah (2): 255

Terjemahannya:

Allah, tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan dia yang hidup kekal lagi terus menerus mengurus (makhluk-Nya); tidak mengantuk dan tidak tidur. Kepunyaan-Nya apa yang di langit dan di bumi, tiada siapa yang dapat memberi syafa'at di sisi Allah melainkan dengan keizinan-Nya, Dialah (Allah) mengetahui apa-apa yang di hadapan mereka dan di belakang mereka dan mereka tidak mengetahui apa-apa dari ilmu Allah melainkan apa yang dikehendaki-Nya. Kursi¹⁹ Allah meliputi langit dan bumi dan Allah tidak merasa berat memelihara keduanya dan (Dialah) Allah Yang Maha Tinggi lagi Maha besar.

iii. Bacaan Ketiga: يَا بَارِئُ

يَا بَارِئُ

Terjemahannya:

Wahai Tuhan Maha Pencipta Menjadikan (daripada tiada kepada ada).

iv. Bacaan Keempat: Ayat كَهَيْعَصَ حَمَّ عَسَقَ

(1) كَهَيْعَصَ

Maryam (19): 1

(2) حَمَّ (1) عَسَقَ

Al-SyĒrĒ (42): 1-2

¹⁹ Sebahagian Mufassirin mengertikan kalimah “kursi” dalam ayat ini dengan ilmu Allah dan ada pula yang mengertikannya dengan kekuasaan-Nya.

Terjemahannya:

KÉf, HÉ, YÉ, 'AÊn, ØÉd, ×É, MÊm, 'AÊn, SÊn, QÉf.

v. Bacaan Kelima: Selawat Syifa'

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ طِبِّ الْقُلُوبِ وَدَوَائِهَا وَعَافِيَةِ الْأَبْدَانِ وَشِفَائِهَا وَنُورِ الْأَبْصَارِ
وَضِيَّائِهَا وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

Terjemahannya:

Ya Allah! Berilah rahmat ke atas penghulu kami Nabi Muhammad s.a.w. yang menyembuhkan²⁰ sekelian hati, menjadi penawar dan menyihatkan tubuh badan, juga memberi kesembuhan penyakit serta mengurniakan cahaya penglihatan dan kurniakanlah juga rahmat keberkatan dan kesejahteraan ke atas keluarga dan sahabat Baginda.

vi. Bacaan Keenam: Selawat Tafrijiyyah

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعُقْدُ وَتَنَفَّرِحُ
بِهِ الْكُرْبُ وَتُقَضَى بِهِ الْحَوَائِجُ وَتُنَالُ بِهِ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِيمِ وَيُسْتَسْقَى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ
الْكَرِيمِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ

Terjemahannya:

Ya Allah! Anugerahkan rahmat dan kesejahteraan yang sempurna ke atas penghulu kami Nabi Muhammad s.a.w. yang dengan (berkat) berselawat ke atasnya akan terhurai apa yang tersimpul, terlepas daripada segala kesusahan, juga ditunaikan segala hajat, tercapailah segala keinginan, diakhiri hayat dengan baik dan dicurahkan rahmat hasil keberkatan wajahnya yang mulia, kerahmatan dan kesejahteraan yang sempurna Engkau anugerahkan juga ya Allah, ke atas keluarga dan sahabatnya dengan kiraan setiap kerdipan mata, juga hembusan nafas dan setiap bilangan ilmu yang ada bagi-Mu.

²⁰ (kesembuhan dengan berkat bertawassul menyebut selawat ke atas Baginda s.a.w.). Namun perlu ditegaskan bahawa penyembuhan sebenarnya daripada Allah

vii. Bacaan Ketujuh: لَوْ أَنْزَلْنَا

لَوْ أَنْزَلْنَا هَذَا الْقُرْآنَ عَلَى جَبَلٍ لَرَأَيْتَهُ خَدِشًا مُتَّصِدًا مِّنْ خَشْيَةِ اللَّهِ ۗ وَتِلْكَ الْأَمْثَلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ (21) هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عِلْمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ ۗ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ (22) هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ ۗ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ (23) هُوَ اللَّهُ الْخَلِيقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ ۗ يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۗ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ (24)

al-asyr (59): 21-24

Terjemahannya:

Seandainya Kami turunkan al-Qur'ân ini di atas sebuah gunung, nescaya kamu lihat akan dia tunduk, pecah kerana takutkan Allah. Perumpamaan itu Kami lakukan untuk manusia agar mereka berfikir. Dialah Allah yang tidak ada Tuhan melainkan Dia, yang mengetahui perkara ghaib dan nyata. Dialah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Dialah Allah yang tidak ada Tuhan melainkan Dia. Raja yang Maha Suci, yang Maha Sejahtera, yang mengurniakan keamanan, yang Maha Memelihara, yang Maha Perkasa, yang Maha Berkuasa, yang memiliki segala keagongan. Maha suci Allah daripada apa yang mereka sekutukan. Dialah Allah yang mencipta, yang mengadakan, yang membentuk rupa, yang mempunyai nama-nama yang paling baik. Bertasbih kepada-Nya apa yang ada di langit dan di bumi dan Dialah yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

viii. Bacaan Kelapan: Doa Menghindar Syaitan

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ كُلِّ عَدُوٍّ وَهَامَّةٍ وَمِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَعَيْنٍ لَّامَّةٍ أَعُوذُ بِاللَّهِ الْوَاحِدِ الْمَاجِدِ مِنْ كُلِّ عَدُوٍّ وَحَاسِدٍ وَمِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ مَّارِدٍ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ عَلَيَّ عَبْدِهِ بِقَوْلِهِ لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ.

Terjemahannya:

Aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang Maha sempurna daripada setiap musuh dan kecelakaan, juga daripada setiap syaitan dan penyakit yang tercela. Aku berlindung dengan Allah yang Esa lagi Mulia daripada setiap musuh dan orang yang hasad dengki serta daripada

syaitan yang derhaka. Dengan nama Allah yang Maha pemurah terhadap hamba-Nya dengan firman-Nya “sesungguhnya Kami telah jadikan manusia itu dalam keadaan sebaik-baik kejadian”.

ix. Bacaan Kesembilan: Lafaz Salam Ke Atas Nabi Sulaiman

سَلَامٌ عَلَى سُلَيْمَانَ فِي الْعَالَمِينَ

Terjemahannya:

Selawat sejahtera ke atas (Nabi) Sulaiman di dunia dan akhirat.

x. Bacaan Kesepuluh: Doa Sulaiman

اللَّهُمَّ أَدْخِلْنَا فِي سُورِ سُلَيْمَانَ وَمَلَكَ سُلَيْمَانَ مِنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ بِدَاتِهِ وَصِفَاتِهِ وَأَفْعَالِهِ
وَقُوَّتِهِ وَسَلَامٍ يَا رَبَّ جِبْرَائِيلَ وَمِيكَائِيلَ وَإِسْرَافِيلَ وَعِزْرَائِيلَ وَمَلَكَ سُلَيْمَانَ مِنَ الْمَشْرِقِ
وَالْمَغْرِبِ جِنَّةً وَإِنْسَانًا وَرِيحًا وَعَمَامًا تَسْلِيمًا كَثِيرًا كَثِيرًا وَسُبْحَانَهِ وَتَعَالَى جَلَّ جَلَالُهُ
وَكَمَالُهُ إِعْلَمَ يَا إِبْلِيسَ يَا إِبْلِيسَ يَا إِبْلِيسَ وَالشَّيَاطِينَ تَسْكُنُونَ فِي الظُّلُمَاتِ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا
دُعَاءَ سُلَيْمَانَ وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سُلَيْمَانَ وَعَلَى سَائِرِ الْأَنْبِيَاءِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ

Terjemahannya:

Ya Allah masukkan kami ke dalam kawalan keselamatan seperti yang pernah Engkau berikan kepada Nabi Sulaiman, dan Nabi Sulaiman telah memiliki dari timur dan barat (dengan kebolehan yang dianugerah oleh Allah) dengan zat, sifat, perbuatan dan juga kekuatannya. Selamat sejahterakan kami wahai Tuhan Jibril, Mikail, Israfil dan Izrail. Telah menguasai (juga) Nabi Sulaiman dari timur dan barat, jin, manusia, angin dan awan beserta keselamatan yang banyak. Maha suci Allah Taala yang Maha Mulia akan kemuliaan serta kesempurnaan-Nya. Ketahilah kamu wahai iblis, wahai iblis, wahai iblis dan para syaitan yang tinggal dalam kegelapan. Wahai Tuhan kami terimalah daripada kami doa Nabi Sulaiman dan telah berselawat Allah ke atas Nabi Sulaiman juga ke atas para Nabi dengan rahmat-Mu ya Allah, yang amat mengasihani daripada segala-galanya.²¹

Dengan kefahaman dan keyakinan yang dimiliki disertai bimbingan Ilahi maka

²¹ Haron Din (Dr) (2009), *Ikhtiar Penyembuhan Penyakit Dengan Ayat-ayat Dan Doa-doa Mustajab*, cet. 10, Selangor: Darussyifa', h. 15-20.

terkumpullah Bacaan Asas Sepuluh Pertama Darussyifa' oleh pengasasnya dengan bersandarkan dua petunjuk wahyu.

- i. Penghayatan dan keyakinan yang kukuh terhadap kandungan ajaran ayat.

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ (82)

Al-IsrÉ'(17): 82

Terjemahannya:

Dan kami turunkan dari al-Quran suatu yang menjadi penawar

Kalau diperhati atau dinilai secara umumnya menunjukkan semua ayat-ayat al-Quran itu adalah penawar bagi merawat penyakit, sama ada penyakit berbentuk *bÉİniyyah* atau *lahiriyyah*.

- ii. Manakala bacaan selain al-Quran adalah berasaskan kepada panduan Nabawi sebagaimana yang dapat difahami melalui *İadÉth* yang telah diriwayatkan oleh Jabir bin Abdullah r.a.²² katanya:

أُرْخِصَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي رُقِيَةِ الْحَيَّةِ لِبَنِي عَمْرٍو بْنِ حَزْمٍ ، وَلَدَعَتْ رَجُلًا
مِنَّا نَحْنُ جُلُوسٌ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَقْرَبٌ، فَقَالَ رَجُلٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَأَرْقِي
؟ قَالَ: مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يَنْفَعَ أَخَاهُ فَلْيَفْعَلْ.²³

Terjemahannya:

Rasulullah s.a.w. telah memberi rukhsah kepada kepada Bani 'Amru bi

²² Haron Din (Dr), pengasas Persatuan Kebajikan Dan Pengubatan Islam Darussyifa'. Temubual pada 29 Disember 2009, hari Selasa jam 3.00-4.25 petang.

²³ 'Abd al-RaİmEn bin 'AlÉ al-Ma'rÉf, (t.t.). *TaisÉr al-WuİÉl İlé JÉmi' al-UİÉl Min HadÉth al-RasÉl. J. 3*, Kaherah: Maktabah DÉR al-TurÉth, h. 158.

Hazmin dalam meruqyah (jampi) gigitan ular. Semasa kami duduk bersama Rasulullah s.a.w. seorang lelaki di kalangan kami telah disengat (gigit) kala, lalu berkata seorang lelaki: Wahai Rasulullah apakah boleh aku menjampikannya?. Berkata Baginda: Sesiapa antara kamu yang mampu menolong saudaranya, maka perbuatkanlah.

Sesungguhnya bacaan *al-Qur'Ēn*, *dhikir*, *doa* dan *selawat* merupakan amalan yang mendekatkan seseorang hamba kepada Tuhannya dan menjadikan Allah juga sentiasa suka kepadanya sebagaimana *ĪadĒth qudsĒ* yang diriwayatkan AbĒ Hurairah, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda.

..... وَإِنْ تَقَرَّبَ مِنِّي شِبْرًا تَقَرَّبْتُ إِلَيْهِ ذِرَاعًا وَإِنْ تَقَرَّبَ إِلَيَّ ذِرَاعًا تَقَرَّبْتُ مِنْهُ بَاعًا وَإِنْ أَتَانِي يَمْشِي أَتَيْتُهُ هَرْوَلَةً.²⁴

Maksudnya:

...Jika dia (hamba Allah) mendekati Ku sejengkal, Aku akan mendekatinya sehasta, dan jika dia mendekati Ku sehasta Aku akan mendekatinya sedepa, dan jika dia datang kepada Ku secara berjalan, Aku akan mendatangi dengan berlari.

Kesimpulan

Melihat kepada perbincangan tertubuhnya Darussyifa' serta penubuhan Darussyifa' cawangan menunjukkan ia adalah sebuah pusat rawatan Islam yang mendapat kepercayaan orang ramai dan menjadikannya sebagai rawatan alternatif dalam merawat penyakit.

Dengan pertambahan ahlinya dan sentiasa dikunjungi oleh oleh mereka yang sakit

²⁴ AbĒ xusain Muslim bin HajjĒj al-QushairĒ al-NaisĒbĒrĒ (t.t), *ŒalĒĒl Muslim*. J. 8, no. ĪadĒth 6981, Beirut: DĒr al-Jail, h. 62. Imam Muslim dilahirkan di Naisabur, sebuah kota besar di Khurasan-Iran pada 204H/820M dan wafat juga di Naisabur pada hari ahad (24 Rajab 261H/875M). pada umur 10 tahun beliau telah menghafaz al-Quran dan mula belajar ilmu ĪadĒth ketika umur 15 tahun.

menunjukkan juga bahawa matlamat penubuhannya untuk menyelamatkan akidah umat dan melahirkan masyarakat bertaqwa melalui ilmu perubatan Islam yang tidak terkeluar daripada petunjuk dan ajaran wahyu sebagaimana yang tersirat melalui logonya telah dapat dicapai.

Di samping itu melihatkan juga bahawa amalan Bacaan Asas Sepuluh Pertama telah dapat diterima oleh sebahagian besar umat Islam khususnya di Malaysia, walaupun jalan pengambilan doa-doa yang terkandung dalam Bacaan Asas Sepuluh Pertama mungkin tidak bersanad satu persatu daripada mereka yang mewarisinya sehingga sampai kepada Rasulullah s.a.w. sebagaimana perjalanan pengambilan *ÍadÊth-ÍadÊth* dalam ilmu *ÍadÊth*. Namun seandainya bacaan-bacaan dan doa yang terkumpul itu jelas daripada ayat *al-Qur'Ên* atau *ÍadÊth* atau petunjuk sahabat atau panduan ulama yang berotoriti maka ia merupakan suatu kebaikan yang seharusnya dipertahankan kerana:

- i. Dengan membaca ayat-ayat *al-Qur'Ên* pastinya akan diganjari dengan berbagai kebajikan daripada Allah.
- ii. Apabila diamal akan sunnah Rasulullah s.a.w. pasti Baginda akan menyukainya dan akan mendapat pengiktirafan daripadanya.
- iii. Dengan amalan berdoa atau bermohon semoga dianugerahkan kebaikan dan dilindungi daripada keburukan merupakan amalan baik yang diajar dalam Islam.

Mungkin juga dengan kewibawaan ilmu pengasasnya maka terkumpullah Bacaan

Asas Sepuluh Pertama dan ia adalah satu kebaikan yang cukup besar yang terpancar melalui hidayah Allah kepada mana-mana hamba-Nya yang Dia kehendaki, seperti mana fiman-Nya:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۚ وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ (69)

al-‘AnkabĒt (29): 69

Terjemahannya:

Orang-orang yang bersungguh-sungguh pada agama Kami, nescaya Kami tunjukkan kepadanya jalan Kami dan pasti Allah akan menolong mereka yang berbuat kebaktian.

